05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# PENGARUH FAKTOR DALAMAN DAN LUARAN TERHADAP PENCAPAIAN MURID DALAM SUBJEK EKONOMI DI SEKOLAH-SEKOLAH TERPILIH DI DAERAH KINTA, PERAK

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

MALINI DEEPA A/P KALIAPPAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# PENGARUH FAKTOR DALAMAN DAN LUARAN TERHADAP PENCAPAIAN MURID DALAM SUBJEK EKONOMI DI SEKOLAH-SEKOLAH TERPILIH DI DAERAH KINTA, NEGERI PERAK

MALINI DEEPA A/P KALIAPPAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



UPSI/IPS-3/BO 32
Pind: 00 m/s: 1/1

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

**Sila tanda (√)**

| | |
|---|---|
| Kertas Projek | |
| Sarjana Penyelidikan | √ |
| Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus | |
| Doktor Falsafah | |

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**

**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 6 (hari bulan) Februari (bulan) 2024

**i. Perakuan pelajar** :

Saya, **MALINI DEEPA A/P KALIAPPAN, M20171001339, FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **PENGARUH FAKTOR DALAMAN DAN LUARAN TERHADAP PENCAPAIAN MURID DALAM SUBJEK EKONOMI DI SEKOLAH-SEKOLAH TERPILIH DI DAERAH KINTA, PERAK** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeLuaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tandatangan pelajar

**ii. Perakuan Penyelia:**

Saya, **PROF MADYA DR NORASIBAH BINTI ABDUL JALIL** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **PENGARUH FAKTOR DALAMAN DAN LUARAN TERHADAP PENCAPAIAN MURID DALAM SUBJEK EKONOMI DI SEKOLAH-SEKOLAH TERPILIH DI DAERAH KINTA, PERAK** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh **IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN EKONOMI.**

15.02.2024
Tarikh

Tandatangan Penyelia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



UPSI/IPS-3/BO 31
Pind.: 01 m/s:1/1

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /**

**INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK**

***DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM***

| | |
|---|---|
| Tajuk / *Title:* | PENGARUH FAKTOR DALAMAN DAN LUARAN TERHADAP PENCAPAIAN MURID DALAM SUBJEK EKONOMI DI SEKOLAH-SEKOLAH TERPILIH DI DAERAH KINTA, PERAK |
| No. Matrik / *Matric's No.:* | M20171001339 |
| Saya / *I:* | MALINI DEEPA A/P KALIAPPAN<br>(Nama pelajar / Student's Name) |

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
   *The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
   *Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.*
3. Perpustakan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
   *The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan sainan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD.**
   *The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.*
5. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-

| | |
|---|---|
| ☐ **SULIT/*CONFIDENTIAL*** | Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972* |
| ☐ **TERHAD/*RESTRICTED*** | Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.* |
| ☑ **TIDAK TERHAD / *OPEN ACCESS*** | |

(Tandatangan Pelajar / Signature)

Tarikh: 15.02.2024

PM Dr Norasibah Abdul Jalil
Pensyarah Kanan
Fakulti Pengurusan & Ekonomi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjung Malim, Perak D. R.

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertesi ini **SULIT** @ **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD.**

*Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentially or restriction.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## PENGHARGAAN

Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia. Terlebih dahulu saya bersyukur kepada Tuhan Yang Maha Kaya kerana berjaya menyelesaikan kajian ilmiah ini dengan sempurna. Saya mengambil kesempatan ini menjulang setinggi-tinggi penghargaan ikhlas kepada Penyelia Kursus PEA 59940 saya, Prof. Madya. Dr Norasibah Abdul Jalil yang banyak mengorbankan masa tanpa mengira penat lelah dengan memberikan bimbingan dalam menyempurnakan penulisan ilmiah ini. Tanpa bantuan dan tunjuk ajar dari mereka tentunya saya mengalami kesukaran dalam proses menyelesaikan kajian ini.

Seterusnya, ucapan penghargaan dan terima kasih juga kepada Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, UPSI yang memberikan kebenaran dan membantu secara langsung atau tidak langsung dalam menjalankan penulisan ini. Selain itu, penghargaan juga ditujukan kepada para murid Ekonomi Daerah Kinta Utara kerana telah memberi kerjasama yang baik semasa pelaksanaan kajian ini dijalankan.

Tidak lupa juga ibu bapa dan adik beradik tersayang. Terima kasih atas segala pergorbanan dan sokongan diberikan. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang sentiasa memberi pandangan dan dorongan yang berterusan kepada saya untuk terus tabah dan bersemangat dalam menyiapkan penyelidikan ini.

Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan penghargaan kepada mereka yang membantu saya dalam usaha menyempurnakan kajian ilmiah ini secara langsung atau tidak langsung. Sekian, terima kasih.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis faktor dalaman (sikap, minat, gaya pembelajaran) dan faktor luaran (guru, keluarga dan persekitaran sekolah) dalam mempengaruhi pencapaian murid dalam subjek Ekonomi. Kajian ini berbentuk kuantitatif yang menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Borang soal selidik diedarkan melalui kaedah pensampelan rawak berkelompok dan seramai 201 responden terlibat dalam kajian ini. Kesemua responden merupakan murid Tingkatan Empat di tujuh buah sekolah menengah terpilih di Daerah Kinta, Perak. Data dianalisis menggunakan kaedah deskriptif dan infrensi. Keputusan analisis deskriptif menunjukkan kesemua faktor dalaman dan luaran merekodkan nilai skor min tahap sederhana. Keputusan bagi analisis korelasi pula menunjukkan kesemua faktor dalaman; iaitu faktor sikap ($r = 0.503$), minat ($r = 0.663$), gaya pembelajaran ($r = 0.475$) dan faktor luaran; iaitu faktor keluarga ($r = 0.545$), guru ($r = 0.605$) dan persekitaran sekolah ($r = 0.542$) mencatatkan keputusan yang signifikan dengan faktor pencapaian ($p = 0.000$). Seterusnya, keputusan bagi analisis regresi merekodkan keputusan signifikan bagi kesemua faktor dalaman ($p = 0.000$). Bagi faktor luaran, hanya faktor guru merekodkan keputusan yang signifikan ($p = 0.000$). manakala faktor keluarga dan persekitaran sekolah mencatatkan keputusan yang tidak signifikan. Sebagai kesimpulan, faktor sikap, minat, gaya pembelajaran murid serta guru mempunyai hubungan yang signifikan terhadap pencapaian murid, manakala faktor keluarga dan persekitaran sekolah merekodkan keputusan yang tidak signifikan terhadap pencapaian murid dalam subjek Ekonomi. Sebagai implikasi, berdasarkan keputusan yang diperoleh pihak guru, pentadbir sekolah dan ibu bapa dapat merangka usaha yang lebih bersasar dalam mempertingkatkan prestasi murid dalam mencapai kecemerlangan bagi subjek Ekonomi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



**THE INFLUENCE OF INTERNAL AND EXTERNAL FACTORS ON STUDENTS' ACHIEVEMENT IN THE ECONOMICS SUBJECT IN SELECTED SCHOOLS IN KINTA DISTRICT, PERAK**

## ABSTRACT

This study aims to analyse the internal factors (attitudes, interests, learning styles) and external factors (teachers, families and school environment) in influencing students' achievement in Economics subject. This is a quantitative study that uses questionnaire set as the instrument for data collection. The questionnaire was distributed through a clustered random sampling method and a total of 201 respondents were involved in the study. All respondents were form four students from selected secondary schools in Kinta District, Perak. Data were analysed by using descriptive and inference methods. The results of the descriptive analysis showed that all internal and external factors recorded moderate min score values. The results of the correlation analysis showed all internal factors; which are attitude ($r = 0.503$), interest ($r = 0.663$), learning style ($r = 0.475$) and external factors; which are family ($r = 0.545$), teacher ($r = 0.605$) and school environment ($r = 0.542$), recorded significant results with the achievement factor ($p = 0.000$). Next, the results of the regression analysis recorded significant results for all internal factors ($p = 0.000$). As for external factors, only the teacher factor recorded significant results ($p = 0.000$) while the family and school environment factors recorded insignificant results. In conclusion; students' attitudes, interests, learning styles as well as teacher had significant relationship on students' achievement while family and school environment factors recorded insignificant results ($p > 0.05$) on students' achievement in the subject Economics. As the implication, based on the findings obtained teachers, school administrators and parents can devise more targeted efforts to improve the performance of students in achieving excellence in the subjects of Economics.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# KANDUNGAN


| | | Muka Surat |
|---|---|---|
| **PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN** | | **ii** |
| **PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS** | | **iii** |
| **PENGHARGAAN** | | **iv** |
| **ABSTRAK** | | **v** |
| **ABSTRACT** | | **vi** |
| **KANDUNGAN** | | **vii** |
| **SENARAI JADUAL** | | **xiii** |
| **SENARAI RAJAH** | | **xvi** |
| **SENARAI SINGKATAN** | | **xvii** |
| **SENARAI LAMPIRAN** | | **xviii** |
| **BAB 1 PENDAHULUAN** | | |
| 1.1 | Pengenalan | 1 |
| 1.2 | Latar Belakang Kajian | 4 |
| 1.3 | Pernyataan Masalah | 7 |
| 1.4 | Objektif Kajian | 10 |
| 1.5 | Persoalan Kajian | 10 |
| 1.6 | Hipotesis Kajian | 11 |
| 1.7 | Kepentingan Kajian | 12 |
| 1.8 | Skop dan Batasan Kajian | 13 |
| 1.9 | Definisi Operasional | 13 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



| | | |
|---|---|---|
| | 1.9.1 Faktor Dalaman | 14 |
| | 1.9.1.1 Sikap | 14 |
| | 1.9.1.2 Minat | 15 |
| | 1.9.1.3 Gaya Pembelajaran | 16 |
| | 1.9.2 Faktor Luaran | 16 |
| | 1.9.2.1 Keluarga | 17 |
| | 1.9.2.2 Guru | 17 |
| | 1.9.2.3 Persekitaran Sekolah | 18 |
| | 1.9.3 Pencapaian | 18 |
| 1.10 | Kerangka Konseptual | 22 |
| 1.11 | Rumusan | 24 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**BAB 2 SOROTAN KAJIAN**


| | | |
|---|---|---|
| 2.1 | Pengenalan | 25 |
| 2.2 | Teori dan Model Kajian | 26 |
| | 2.2.1 Model Konstruktivisme 5-Fasa Needham | 32 |
| | 2.2.2 Model Felder-Silverman | 35 |
| | 2.3.3 Model Intervensi Perkongsian Pintar Sekolah-Keluarga dalam Pendidikan | 40 |
| | 2.3.4 Teori Konstruktivisme | 43 |
| 2.3 | Sorotan Literatur | 46 |
| | 2.3.1 Kajian Faktor Sikap | 55 |
| | 2.3.2 Kajian Faktor Minat | 58 |
| | 2.3.3 Kajian Faktor Gaya Pembelajaran | 63 |
| | 2.3.4 Kajian Faktor Guru | 67 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



2.3.5 Kajian Faktor Keluarga 71

2.3.6 Kajian Faktor Persekitran Sekolah 73

2.4 Rumusan 76


**BAB 3 METODOLOGI**


3.1 Pengenalan 77

3.2 Reka Bentuk Kajian 78

3.3 Populasi dan Persampelan Kajian 80

3.4 Instrumen Kajian 84

3.4.1 Bahagian A – Demografi Latar Belakang Responden 85

3.4.2 Bahagian B – Faktor Dalaman yang Mempengaruhi Pencapaian Subjek Ekonomi 85

3.4.3 Bahagian C - Faktor Luaran yang Mempengaruhi Pencapaian Subjek Ekonomi 86

3.5 Kajian Rintis 87

3.6 Tatacara Pengumpulan Data 90

3.7 Analisi Data 92

3.7.1 Ujian Normaliti 93

3.7.2 Analisis Deskriptif 98

3.7.3 Analisis Inferensi 99

3.8 Pertimbangan Etika 105

3.7 Rumusan 109


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN**


| | | |
|---|---|---|
| 4.1 | Pengenalan | 110 |
| 4.2 | Analisis Deskriktif Responden | 111 |
| | 4.2.1 Profil Demografi | 111 |
| | 4.2.2 Profil Sosial Responden | 113 |
| | 4.2.3 Profil Akademik Responden | 115 |
| 4.3 | Ujian Normaliti Data | 117 |
| | 4.3.1 Ujian *Skewness* dan Ujian *Kurtosis* | 117 |
| | 4.3.2 Ujian Normal Q-Q Plot | 119 |
| | 4.3.3 Ujian Lineariti | 123 |
| | 4.3.4 Ujian *Homoscedasticity* | 125 |
| | 4.3.5 Ujian Multikolineariti | 126 |
| | 4.3.6 Nilai Ekstrim | 127 |
| 4.4 | Analisis Deskriptif Nilai Min | 129 |
| | 4.4.1 Sikap Murid | 130 |
| | 4.4.2 Minat Murid | 131 |
| | 4.4.3 Gaya Pembelajaran Murid | 133 |
| | 4.4.4 Kelurga | 135 |
| | 4.4.5 Guru | 137 |
| | 4.4.6 Persekitaran Sekolah | 139 |
| 4.5 | Ujian Inferensi | 141 |
| | 4.5.1 Analisis Korelasi | 142 |
| | 4.5.1.1 Hubuangan Faktor Sikap Murid dan Pencapaian Subjek Ekonomi | 143 |
| | 4.5.1.2 Hubungan Faktor Minat Murid dan Pencapaian Subjek Ekonomi | 145 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




4.5.1.3 Hubungan Faktor Gaya Pembelajaran Murid dan Pencapaian Subjek Ekonomi 146

4.5.1.4 Hubungan Faktor Keluarga Murid dan Pencapaian Subjek Ekonomi 148

4.5.1.5 Hubungan Faktor Guru dan Pencapaian Subjek Ekonomi 150

4.5.1.6 Hubungan Faktor Persekitaran Sekolah dan Pencapaian Subjek Ekonomi 151

4.5.17 Hubungan Faktor Dalam dan Luaran Terhadap Pencapaian Subjek Ekonomi 153

4.5.2 Regresi Pelbagai 154

4.5.2.1 Pengaruh Faktor Dalaman dan Luaran Terhadap Pencapaian Subjek Ekonomi 155

4.5.2.2 Pengaruh Faktor-Faktor Dalaman Terhadap Pencapaian Subjek Ekonom 160

4.5.2.3 Pengaruh Faktor-Faktor Luaran Terhadap Pencapaian Subjek Ekonomi 166

4.6 Ringkasan Dapatan 171

4.7 Rumusan 178

**BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN KAJIAN**

5.1 Pengenalan 179

5.2 Rumusan Dapatan Kajian 180

5.2.1 Hubungan di Antara Faktor-Faktor Dalaman dan Faktor-Faktor Luaran Terhadap Pencapaian Subjek Ekonomi 181

5.2.2 Pengaruh Faktor-Faktor Dalaman Terhadap Pencapaian Subjek Ekonomi 183

5.2.3 Pengaruh Faktor-Faktor Luaran Terhadap Pencapaian Subjek Ekonomi 185


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


5.3 Perbincangan Dapatan Kajian 186

5.4 Cadangan Kajian 189

5.5 Rumusan 190

**RUJUKAN** 191

**LAMPIRAN**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



# SENARAI JADUAL


| **No. Jadual** | | **Muka Surat** |
|---|---|---|
| 2.1 | Sorotan Literatur Sistematik Teori dan Model Kajian | 28 |
| 2.2 | Ciri-ciri proses pembelajaran subjek Ekonomi Model Konstruktivisme 5 – Fasa Needham | 34 |
| 2.3 | Dimensi Gaya Pembelajaran Felder dan Silverman (1988) | 35 |
| 2.4 | Sorotan Literatur Sistematik Faktor Mempengaruhi | 48 |
| 3.1 | Senarai Sekolah-Sekolah Kajian | 79 |
| 3.2 | Senarai Sekolah-Sekolah Kajian Persampelan | 82 |
| 3.3 | Jadual Penentuan Sampel Berdasarkan Populasi (N - Saiz Populasi; S – Saiz Sampel) | 83 |
| 3.4 | Interpretasi Skor Min Skala Likert | 85 |
| 3.5 | Interpretasi Nilai Pekali *Cronbach Alpha* | 88 |
| 3.6 | Keputusan Analisis Kebolehpercayaan Kajian Rintis (Nilai Pekali *Cronbach Alpha*) | 89 |
| 3.7 | Kaedah Pengumpulan Data Mengikut Pecahan Instrumentasi, Populasi & Sampel Kajian | 92 |
| 3.8 | Interpretasi Skor Min Skala Likert | 99 |
| 3.9 | Kekuatan Nilai Pekali Korelasi (r) | 101 |
| 3.10 | Saiz Kesan (*Effect Size*) Pemboleh Ubah Tidak Bersandar Terhadap Pemboleh Ubah Bersandar | 105 |
| 4.1 | Taburan Responden Mengikut Jantina dan Etnik | 113 |
| 4.2 | Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan dan Jenis Pekerjaan Ibu Bapa | 114 |
| 4.3 | Taburan Responden Mengikut Kategori Sekolah, Minat Ekonomi dan Gred Pencapaian | 116 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




| | | |
|---|---|---|
| 4.4 | Keputusan Ujian *Skewness* dan Ujian *Kurtosis* | 118 |
| 4.5 | Nilai *Variance Inflation Factor* (VIF) dan *Tolerance* bagi Pemboleh ubah Bebas Faktor Dalaman dan Faktor Luaran | 126 |
| 4.6 | Nilai Minimum dan Maksimum Rasidual Piawai (*Standard Residual*) bagi Pencapaian Murid (Faktor Dalaman) | 127 |
| 4.7 | Nilai Minimum dan Maksimum Rasidual Piawai (*Standard Residual*) bagi Pencapaian Murid (Faktor Luaran) | 127 |
| 4.8 | Interpretasi Skor Min Skala Likert | 129 |
| 4.9 | Tahap bagi Item Sikap Murid | 130 |
| 4.10 | Tahap bagi Item Minat Murid | 132 |
| 4.11 | Tahap bagi Item Gaya Pembelajaran Murid | 134 |
| 4.12 | Tahap bagi Item Keluarga | 136 |
| 4.13 | Tahap bagi Item Guru | 138 |
| 4.14 | Tahap bagi Item Persekitaran Sekolah | 140 |
| 4.15 | Kekuatan Nilai Pekali Korelasi (r) | 142 |
| 4.15 | Nilai Korelasi di antara Sikap Murid dengan Pencapaian Subjek Ekonomi | 144 |
| 4.17 | Nilai Korelasi di antara Minat Murid dengan Pencapaian Subjek Ekonomi | 145 |
| 4.18 | Nilai Korelasi di antara Gaya Pembelajaran dengan Pencapaian Subjek Ekonomi | 147 |
| 4.19 | Nilai Korelasi di antara Faktor Keluarga dengan Pencapaian Subjek Ekonomi | 148 |
| 4.20 | Nilai Korelasi di antara Faktor Guru dengan Pencapaian Subjek Ekonomi | 150 |
| 4.21 | Nilai Korelasi di antara Faktor Persekitaran Sekolah dengan Pencapaian Subjek Ekonomi | 152 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




| | | |
|---|---|---|
| 4.22 | Nilai Korelasi di antara Faktor Dalaman dan Luaran dengan Pencapaian Subjek Ekonomi | 153 |
| 4.23 | Nilai Tolerance bagi Faktor Dalaman dan Luaran yang Mempengaruhi Pencapaian Subjek Ekonomi | 155 |
| 4.24 | Nilai Pekali Model bagi Faktor Dalaman dan Luaran yang Mempengaruhi Pencapaian Subjek Ekonomi | 156 |
| 4.25 | Keputusan Ujian ANOVA bagi Faktor Dalaman dan Luaran yang Mempengaruhi Pencapaian Subjek Ekonomi | 156 |
| 4.26 | Nilai Pekali Faktor Dalaman dan Luaran yang Mempengaruhi Pencapaian Subjek Ekonomi | 157 |
| 4.27 | Nilai Toleransi bagi Faktor Dalaman yang Mempengaruhi Pencapaian Subjek Ekonomi | 160 |
| 4.28 | Nilai Pekali Model bagi Faktor Dalaman yang Mempengaruhi Pencapaian Subjek Ekonomi | 161 |
| 4.29 | Keputusan Ujian ANOVA bagi Faktor Dalaman yang Mempengaruhi Pencapaian Subjek Ekonomi | 161 |
| 4.30 | Nilai Pekali Faktor Dalaman yang Mempengaruhi Pencapaian Subjek Ekonomi | 162 |
| 4.31 | Nilai Toleransi bagi Faktor Luaran yang Mempengaruhi Pencapaian Subjek Ekonomi | 166 |
| 4.32 | Nilai Pekali Model bagi Faktor Luaran yang Mempengaruhi Pencapaian Subjek Ekonomi | 167 |
| 4.33 | Keputusan Ujian ANOVA bagi Faktor Luaran yang Mempengaruhi Pencapaian Subjek Ekonomi | 167 |
| 4.34 | Nilai Pekali Faktor Luaran bagi Faktor Luaran yang Mempengaruhi Pencapaian Subjek Ekonomi | 168 |
| 4.35 | Ringkasan Dapatan Kajian | 175 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



# SENARAI RAJAH


| No. Rajah | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 1.1 | Analisis SPM Ekonomi Asas/ Ekonomi Negeri Perak | 6 |
| 1.2 | Kerangka Konseptual Kajian. Sumber: diadaptasi dari Mohd Faizal Mazalan (2012) | 23 |
| 2.1 | Kerangka Teoritikal | 27 |
| 2.2 | Model Konstruktivisme 5 Fasa Needham (Needham, 1987) | 32 |
| 2.3 | Konsep Teori Konstruktivisme. Sumber: Vygotsky (1978) | 46 |
| 4.1 | Normal Q-Q Plot bagi Gred Pencapaian Subjek Ekonomi | 119 |
| 4.2 | Normal Q-Q Plot bagi Faktor Sikap Murid | 120 |
| 4.3 | Normal Q-Q Plot bagi Faktor Minat Murid | 120 |
| 4.4 | Normal Q-Q Plot bagi Faktor Gaya Pembelajaran Murid | 121 |
| 4.5 | Normal Q-Q Plot bagi Faktor Keluarga | 121 |
| 4.6 | Normal Q-Q Plot bagi Faktor Guru | 122 |
| 4.7 | Normal Q-Q Plot bagi Faktor Persekitaran Sekolah | 122 |
| 4.8 | Ujian Leneariti bagi Pencapaian Murid Ekonomi | 124 |
| 4.9 | *Scatterplots* bagi Pemboleh Ubah Tidak Bersandar dengan Pemboleh Ubah Bersandar Pencapaian Murid Ekonomi | 125 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## SENARAI SINGKATAN

| | |
|---|---|
| FPE | Fakulti Pengurusan dan Ekonomi |
| ICT | *Information and Communications Technology* |
| JPNP | Jabatan Pendidikan Negeri Perak Darul Ridzuan |
| KBAT | kemahiran Berfikir Aras Tinggi |
| KBSM | Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah |
| KPM | Kementerian Pendidikan Malaysia |
| KSSM | Kurikulum Standard Sekolah Menengah |
| PdPc | Pengajaran dan Pemudahcaraan |
| PIBG | Persatuan Ibu Bapa dan Guru |
| PIQE | *The Parent Institute for Quality Education* |
| PPDKU | Pejabat Pendidikan Daerah Kinta Utara |
| PPPM | Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia |
| PSV | Pendidikan Seni Visual |
| SPM | Sijil Pelajaran Malaysia |
| SPSS | *Statistical Package for Social Science* |
| UPSI | Universiti Pendidikan Sultan Idris |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**SENARAI LAMPIRAN**

| | |
|---|---|
| A | Borang Soal Selidik |
| B | Surat Pengesahan Pelajar Menjalankan Kajian Penyelidikan |
| C | Surat Kelulusan Menjalankan Kajian Kementerian Pendidikan Malaysia |
| D | Permohonan Menjalankan Kajian Penyelidikan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Perak |
| E | Permohonan Menjalankan Kajian Penyelidikan kepada Sekolah Menengah |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# BAB 1

# PENDAHULUAN

## 1.1 Pengenalan

Di Malaysia, dalam usaha melonjakkan sistem pendidikan negara, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan kurikulum baru untuk sekolah menengah iaitu Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) pada tahun 2017. Kurikulum baru ini dirangka berdasarkan tanda aras antarabangsa bagi memastikan murid yang dilahirkan oleh sistem persekolahan di negara ini memiliki kemahiran yang diperlukan untuk bersaing di peringkat global. Ia merangkumi dimensi intelek, emosi dan fizikal setiap murid serta menekankan aplikasi pengetahuan serta perkembangan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Selain itu, ia juga memberi peluang murid melibatkan diri dalam aktiviti sukan dan kurikulum (Nor Erma Abu & Eu, 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM, 2017) yang digubal dalam pembelajaran subjek Ekonomi menggalakkan penglibatan murid secara aktif dalam proses pengajaran dalam pembelajaran di dalam bilik darjah secara khususnya. Sehubungan dengan itu, pembelajaran dua hala yang melibatkan interaksi di antara guru dan murid digalakkan secara sepenuhnya dan tidak semata-mata bertumpu pada guru sahaja (Majalah Pendidik, 2019). Subjek Ekonomi Asas merupakan salah satu cabang dalam pendidikan teknik dan vokasional dan merupakan satu subjek elektif yang dirangka untuk murid-murid Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima. Kurikulum Ekonomi yang digubal adalah dengan tujuan memberikan murid pemahaman teguh mengenai prinsip asas ekonomi bagi membantu murid memahami dunia moden serta membuat keputusan yang akan membentuk masa depan kelak (Falsafah Pendidikan Kebangsaan, 2012). Melalui subjek ini, murid dapat memahami masalah yang berpunca daripada sumber-sumber ekonomi yang terhad dan membuat pilihan yang rasional tentang penggunaannya. Pemahaman ekonomi juga dapat membantu individu memainkan peranan sebagai pengguna dan pengeluar yang bertanggungjawab dalam masyarakat (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2017)

Kurikulum Ekonomi diperjelas dalam dua dokumen, iaitu sukatan pelajaran dan huraian sukatan pelajaran. Sukatan pelajaran menggariskan matlamat, objektif, penekanan dan kandungan kurikulum secara umum. Huraian sukatan pelajaran memperincikan kehendak kurikulum ekonomi di mana maklumat tentang matlamat dan objektif kurikulum, penerangan ringkas tentang kemahiran berfikir, kemahiran generik, strategi pengajaran dan pembelajaran serta organisasi isi kandungan dimasukkan. Organisasi kandungan yang terdiri daripada bidang/unit pembelajaran, isi kandungan, hasil pembelajaran dan cadangan aktiviti pembelajaran, dapat memberikan spesifikasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



tentang kurikulum melalui hasil pembelajaran yang dihasratkan dan cadangan aktiviti pembelajaran (Huraian Sukatan Pelajaran Ekonomi Asas, 2017).

Kurikulum Ekonomi menyasarkan pembelajaran yang dapat membekalkan murid dengan pengetahuan dan kemahiran asas ekonomi di samping memupuk nilai-nilai murni dan semangat patriotik supaya mereka dapat menyedari dan memahami masalah ekonomi, menghargai sumbangan daripada segala kegiatan ekonomi serta menyelesaikan masalah kehidupan dengan berkesan dan bertanggungjawab (Iniyah, 2013).

Subjek ekonomi ini menuntut ke arah melahirkan individu yang berdaya saing dan mampu menghadapi arus globalisasi selaras dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menyediakan tenaga mahir yang berpengetahuan dan mengharungi dunia ekonomi yang kian mencabar iaitu dalam menyediakan persekitaran pembelajaran dan latihan holistik untuk membangunkan potensi individu berkualiti yang kreatif, inovatif, berdaya keusahawanan, kebolehpasaran tinggi dan berdaya saing di peringkat serantau (Siti Hasmiza Hassan & Siti Fatimah Md Azali, 2018). Malahan dalam Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-13 (2018) perkembangan bidang ekonomi akan melangkah lebih jauh melalui pencetusan Revolusi Perindustrian keempat (R1 4.0) yang mengerakkan struktur industri negara dengan pantas setanding negara-negara lain di persada antarabangsa (Arni Yuzie Mohd Arshad & Ruhizan Mohammad Yasin, 2015).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Menurut Vygotsky (1978), teori konstruktivisme dapat membantu murid memperoleh ilmu pengetahuan baharu berdasarkan pengetahuan sedia ada dan ditambah dengan percambahan idea-idea yang diperoleh melalui proses pembelajaran bilik darjah. Malahan, para guru yang mengaplikasikan pendekatan teori ini mampu melahirkan proses pengajaran dan pembelajaran yang aktif serta berpusatkan kepada murid secara amnya (Sudarsana, 2018). Para murid mampu berfikir secara kritis dan kreatif, menerbitkan idea-idea baharu dan seterusnya meningkatkan pemahaman yang mendalam tentang penguasaan terhadap subjek Ekonomi secara khusunya.

Malahan, pembelajaran secara aktif ini juga mampu menerapkan minat dan sikap yang positif dalam diri murid terhadap penguasaan ilmu pendidikan ekonomi secara keseluruhannya (Arni Yuzie Mohd Arshad & Ruhizan Mohammad Yasin, 2015). Para murid mampu memahami dan mengaplikasikan ilmu-ilmu ekonomi yang dipelajarinya terhadap kehidupan sehariannya. Justeru itu, para guru memainkan peranan yang penting dalam merangka aktiviti-aktiviti pengajaran yang bersesuaian dan menyeronokkan dalam meningkatkan pemahaman mereka terhadap topik-topik pengajaran dalam subjek Ekonomi.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggubal sukatan subjek Ekonomi Asas Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM, 2017). Subjek Ekonomi adalah satu subjek elektif untuk murid-murid Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima yakni sukatan subjek ini digubal dengan tujuan untuk memberikan pemahaman teguh mengenai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


prinsip asas ekonomi serta membantu mereka memahami dunia ekonomi yang kian mencabar (Pelan Pembangunan Kurikulum, 2016). Malahan, para murid mampu dibentuk menjadi seorang ahli masyarakat yang bertanggungjawab dan berpengetahuan luas dalam bidang ekonomi di peringkat antarabangsa selaras dengan hasrat dan wawasan menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan mampu bersaing di persada antarabangsa secara umumnya (Pusat Perkembangan Kurikulum; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015)

Kurikulum subjek Ekonomi mengalami pengubahsuaian berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025). Di bawah Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), subjek ekonomi asas telah diubahkan kepada subjek ekonomi dan perlaksanaannya secara berperingkat bermula 2017. PPPM 2013-2025 menekankan peningkatan kualiti kurikulum di sekolah rendah dan menengah agar kualiti pendidikan di Malaysia setaraf dengan standard. Sehubungan dengan itu, kerangka KSSM mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai serta memasukkan secara eksplisit. Berdasarkan aspirasi ini, Kurikulum Standard Sekolah Menengah telah memfokuskan elemen kemahiran abad ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) itu, subjek Ekonomi mengalami perubahan bukan sahaja dari aspek kurikulum malahan menyediakan murid-murid ekonomi menghadapi cabaran abad ke-21 seiring dengan matlamat ke arah negara maju dan perkembangan teknologi dalam industri secara khususnya. Pendekatan ini dapat membantu menghasilkan tenaga kerja yang menyokong usaha negara untuk mencapai status negara maju.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Hal ini jelas dilihat apabila para murid yang mempelajari subjek Ekonomi ini haruslah memahami konsep-konsep ekonomi yang dipelajarinya dan mampu mengaplikasikannya dengan situasi ekonomi yang berlaku di dalam negara mahupun luar negara secara pantas serta mampu berfikir secara abstrak (Maryani & Fatmawati, 2018) Malahan, mereka juga mestilah mempunyai keupayaan dalam menerangkan idea-idea kompleks yang tercetus secara kritis, kreatif, logik dan lancar. Justeru itu, penggubalan subjek Ekonomi ini bukan sahaja mampu melahirkan murid-murid yang berpengetahuan malahan dapat meningkatkan tenaga kerja mahir dan dapat mengadaptasi perubahan dalam teknologi seiring dengan perkembangan perdagangan antarabangsa.




*Rajah 1.1.* Analisis SPM Ekonomi Asas/ Ekonomi Negeri Perak

Berdasarkan Rajah 1.1, didapati pencapaian murid-murid negeri Perak dalam subjek Ekonomi Asas (2013-2016) semakin menurun kerana peratus lulus para murid semakin menurun iaitu pada tahun 2013, peratus lulus ialah sebanyak 75.60% dan mula menurun kepada 71.86% pada tahun 2014 dan seterusnya pada tahun 2015 peratus lulus

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


adalah sebanyak 71.65% dan terus menurun kepada 71.50% pada tahun 2016. Pada tahun 2017, subjek Ekonomi Asas telah ditukarkan menjadi subjek Ekonomi akibat pengubahsuaian kepada KSSM dan peratus lulus masih rendah iaitu sebanyak 70.20%.

Pelbagai cabaran dan perubahan yang dihadapi oleh murid-murid yang mengambil subjek Ekonomi dan seterusnya mempengaruhi pencapaian akademik mereka. Sehubungan dengan itu, bagi mengatasi ini perlu ada suatu penyelidikan untuk melihat faktor yang menyumbang kepada peratus lulus yang rendah bagi subjek Ekomoni. Hal ini penting terumatanya kepada guru dan pihak sekolah dalam usaha untuk meningkatkan kembali prestasi dan juga pencapaian murid dalam subjek Ekonomi bagi memenuhi hasrat atau matlamat penggubalan subjek Ekonomi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.3 Penyataan Masalah

Sejak subjek Ekonomi ini diperkenalkan, pencapaian murid-murid ekonomi di sekolah-sekolah menengah tidak begitu memberangsangkan terutamanya murid-murid sekolah kategori luar bandar di negeri Perak jika dibandingkan dengan murid-murid di sekolah kategori bandar. Sebagai contoh, keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), antara tahun 2013 hingga 2017, peratus lulus subjek Ekonomi Asas bagi murid-murid sekolah kategori luar bandar hanyalah dalam lingkungan 55% berbanding peratus lulus bagi murid-murid sekolah kategori bandar yang mencapai sehingga 90% (Pejabat Pendidikan Daerah Kinta Utara, 2018). Sehubungan dengan itu, wujudlah jurang perbezaan yang amat ketara dalam pencapaian subjek Ekonomi di antara murid-murid sekolah kategori bandar dan kategori luar bandar. Masalah ini menjadi semakin

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


meruncing apabila peratus kegagalan murid dalam subjek Ekonomi semakin meningkat berbanding subjek Perniagaan dan Prinsip Perakaunan yang turut merupakan subjek utama dalam bidang Teknik dan Vokasional secara umumnya.

Sehubungan dengan itu, faktor-faktor utama yang dikenal pasti mempengaruhi prestasi pencapaian murid ialah faktor dalaman murid itu sendiri yang meliputi sikap, minat dan gaya pembelajaran. Faktor minat memainkan peranan yang sangat penting terhadap tingkah laku seseorang individu (Nadarajan & Shariff Omar, 1998). Hal ini berikutan, minat dan kecenderungan berperanan penting dalam menimbulkan pengaruh terhadap murid dan mempunyai kesan terhadap pencapaian akademik seseorang. Malahan, murid-murid yang berminat di dalam sesuatu yang dipelajari akan mencapai prestasi cemerlang dalam pelajarannya.

05-45068 tbupsi

Selain itu, sikap seseorang murid yang rendah diri, pasif dan kurang berkeyakinan juga boleh merupakan faktor yang boleh menampilkan prestasi belajarnya (Andriani, 2016). Malahan, sikap menggambarkan keadaan seseorang yang bersedia secara fizikal dan mental untuk melakukan sesuatu dan cenderung untuk bertindak positif. Oleh itu, pendekatan pengajaran guru yang berpusatkan murid dapat membentuk sikap positif dalam kalangan murid secara khususnya.

Gaya pembelajaran juga turut mampu memberikan kesan yang besar terhadap pencapaian akademik seseorang murid secara khususnya (Noraini, 2013). Hal ini dapat dilihat melalui kepelbagaian gaya pembelajaran yang diamalkan oleh murid mampu meningkatkan keyakinan dan pemahaman yang teguh terhadap isi pembelajaran subjek Ekonomi secara khususnya (Murid dan Pembelajaran, Siri Pendidikan Guru, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Bukan itu sahaja, faktor guru merujuk kepada galakan guru terhadap subjek Ekonomi. Bukan itu sahaja, guru turut memainkan peranan dalam proses pengajaran dan pembelajaran iaitu mewujudkan komunikasi dua hala di antara guru dan murid.

Faktor keluarga pula merujuk kepada tahap pendidikan ibu bapa, status sosial ekonomi pendapatan ibu bapa dan persekitaran dalam keluarga. Bagi murid-murid sekolah kategori luar bandar, proses pembelajaran di rumah agak terhad terutamanya dari segi pembelian bahan bacaan tambahan, penyediaan tempat belajar yang sesuai dan galakan serta dorongan dalam keluarga terhadap mempelajari subjek Ekonomi.

Faktor persekitaran sekolah juga turut menyumbang dan mempengaruhi pencapaian akademik seseorang murid. Hal ini berkaitan dengan peranan para pentadbir dalam menyediakan kemudahan-kemudahan pembelajaran seperti kemudahan ICT serta merangka program-program Ekonomi sebagai agen penggalak.

Gabungan masalah pencapaian murid dalam subjek ekonomi dengan dapatan dari kajian-kajian sedia ada yang membuktikan bahawa prestasi murid disumbangkan oleh pelbagai faktor, telah membangunkan satu keperluan (*urgency*) untuk menjalankan kajian yang sama terhadap murid-murid yang mengambil subjek ekonomi. Maka, kajian semasa dijalankan untuk mengkaji faktor-faktor yang terlibat dalam mempengaruhi pencapaian subjek Ekonomi bagi murid-murid sekolah Tingkatan Empat. Kajian ini ingin melihat hubungan serta pengaruh faktor-faktor dalaman seperti sikap murid, minat murid dan gaya pembelajaran murid. Di samping itu juga ingin melihat hubungan serta pengaruh faktor luaran seperti keluarga, guru dan persekitaran sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian penyelidikan ini ialah:

i. Mengenal pasti tahap pengaruh faktor-faktor alaman terhadap pencapaian murid dalam subjek ekonomi.
ii. Menganalisis hubungan di antara faktor-faktor dalaman dan faktor-faktor luaran terhadap pencapaian murid dalam subjek ekonomi
iii. Menentukan faktor-faktor dalaman dan faktor-faktor luaran yang dominan dalam mempengaruhi Pencapaian murid dalam subjek ekonomi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian telah dikenal pasti sebagai fokus utama kajian untuk menjawab persoalan berikut:

i. Apakah tahap pengaruh faktor-faktor dalaman dan faktor-faktor luaran terhadap pencapaian subjek Ekonomi?
ii. Adakah terdapat hubungan di antara faktor-faktor dalaman dan faktor-faktor luaran dengan pencapaian subjek Ekonomi?
iii. Adakah terdapat faktor-faktor dalaman dan faktor-faktor luaran yang dominan dalam mempengaruhi pencapaian subjek Ekonomi?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian yang dibangunkan adalah untuk mencapai objektif kajian yang kedua dan ketiga iaitu untuk menentukan hubungan dan juga pengaruh faktor-faktor dalaman serta faktor-faktor luaran terhadap pencapaian murid dalam subjek ekonomi. Bagi kajian ini dua hipotesis utama telah dibentuk yang mana setiap hipotesis utama mempunyai enam sub-hipotesis bagi tujuan mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan.

Ho1: Tiada hubungan yang signifikan di antara faktor-faktor dalaman dan faktor-faktor luaran dengan pencapaian subjek Ekonomi

Ho2: Faktor-faktor dalaman dan faktor-faktor luaran tidak mempunyai pengaruh ke atas pencapaian murid dalam subjek ekonomi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di bahagian ini, analisis terbahagi kepada dua iaitu analisis korelasi untuk hipotesis pertama dan analisis regresi untuk hipotesis kedua. Faktor dalaman terdiri dari faktor sikap murid, minat murid dan gaya pembelajaran murid. Manakala faktor luaran pula adalah faktor keluarga, guru dan juga persekitaran sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## 1.7 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini penting dalam usaha membantu guru untuk mengenal pasti faktor yang penting dalam mempengaruhi pencapaian murid Tingkatan Empat yang mengambil subjek Ekonomi. Faktor yang terlibat adalah seperti faktor sikap murid, minat murid, gaya pembelajaran murid, guru, ibu bapa dan juga persekitaran sekolah. Faktor-faktor ini dapat mempengaruhi keputusan dan juga pencapaian murid tersebut dalam subjek Ekonomi. Hasil daripada dapatan kajian ini, dapat membantu guru untuk merangka strategi dan juga kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan murid dalam usaha untuk meningkatkan minat mereka terhadap subjek Ekonomi dan secara tidak langsung dapat meningkatkan pencapaian murid tersebut. Guru boleh memberikan fokus kepada faktor yang penting dalam mempengaruhi pencapaian murid dalam subjek Ekonomi.

05-4506832 ptbupsi

Selain itu, dapatan kajian ini juga penting kepada pihak sekolah. Dapatan daripada kajian ini dapat dijadikan sumber maklumat kepada pihak sekolah dalam mengenal pasti faktor-faktor penting untuk dijadikan sebagai mekanisme dalam usaha meningkatkan peratus lulus subjek Ekonomi di dalam peperiksaan dalaman sekolah mahupun peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Akhir sekali, kajian ini juga penting kepada kepada pihak Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG). Hasil dapatan daripada kajian ini dapat di jadikan panduan kepada pihak Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dalam usaha memantapkan peranan keluarga untuk membantu murid bagi meningkatkan prestasi murid dan pencapaian terhadap subjek Ekonomi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 1.8 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah soal-selidik yang mana melibatkan murid-murid Ekonomi sekolah menengah. Namun begitu, skop kajian hanya terbatas kepada murid-murid Ekonomi Tingkatan Empat sahaja. Malahan, sekolah-sekolah yang terlibat dalam kajian ini juga hanya bertumpu kepada sekolah menengah kebangsaan harian di kawasan luar bandar sahaja dan berasaskan aliran akademik. Kajian ini hanya melibatkan tujuh buah sekolah kawasan luar bandar di daerah Kinta Utara, Ipoh, Perak yang menawarkan subjek Ekonomi melibatkan 201 orang murid.

Keputusan yang diperolehi terbatas pada metodologi sedia ada yang mengguna pakai kaedah analisis deskriptif statistik dan juga analisis korelasi dan regresi. Walau bagaimanapun, kaedah analisis data boleh dikembangkan pada kaedah-kaedah lain yang bersesuaian.

## 1.9 Definisi Operasional

Definisi istilah yang disenaraikan adalah; faktor dalaman faktor minat, sikap dan gaya pembelajaran manakala faktor luaran pula faktor keluarga, guru dan faktor persekitaran sekolah dan pencapaian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



### 1.9.1 Faktor Dalaman

Faktor dalaman merupakan satu elemen yang penting bagi mengenal pasti kebolehan seseorang murid dalam subjek yang diajar oleh guru (Tan, 2018). Selain daripada itu, para sarjana telah menyatakan faktor dalaman sesebuah sekolah akan mempengaruhi keberkesanan pengajaran guru (Dayang Sufikawany Ujai & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad, 2017). Menurut Rowe (2003), faktor organisasi sekolah juga mempengaruhi gaya pelaksanaan tugas dan cara. Faktor dalaman merujuk kepada faktor keputusan penentuan sesuatu prestasi atau pencapaian serta objektif sesebuah organisasi. Dalam kajian ini, faktor dalaman yang difokuskan adalah sikap, minat dan gaya pengajaran guru. Faktor dalaman antaranya berasaskan sikap dan penerimaan individu terhadap kepentingan kemahiran menulis. Sikap boleh disimpulkan dari cara seseorang individu itu bertingkah laku. Sikap memainkan peranan yang penting untuk mencapai kejayaan di dalam sesuatu perkara atau usaha (Azizi Yahaya et al., 2007). Satu sesi pengajaran yang baik perlu melibatkan kemahiran guru yang bijak menyesuaikan kaedah pengajaran dengan objektif pembelajaran murid dan juga gaya pembelajaran mereka.

#### 1.9.1.1 Sikap

Sikap ditakrifkan sebagai orientasi individu dalam menilai sesuatu perkara atau cara individu itu bertingkah laku dalam kehidupan sehariannya. Ia merupakan pembawaan atau personaliti individu yang muncul daripada keinginan peribadi dan rangsangan kumpulan dan boleh berbentuk positif atau negatif (Wilson, 1976). Ia juga adalah suatu elemen penting dalam membantu individu mencapai kejayaan (Siti Hasmiza Hassan &

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Siti Fatimah Md Azali, 2018). Sikap juga merujuk kepada kecenderungan individu dalam memilih sesuatu mengikut pengalaman, kebiasaan dan pengaruh persekitaran (Crow & Crow, 1983). Ezlika Ghazali et al. (2006) pula menyatakan yang sikap dan penerimaan masyarakat atau komuniti terhadap sesuatu bahasa adalah berdasarkan faktor seperti menarik, sedap didengar, mudah dipelajari dan sebagainya. Menurut Rozmi Ismail (2011) pula, sikap merupakan gagasan penting dalam kehidupan manusia kerana ia mempengaruhi tingkah laku, penilaian individu dan membayangkan benak fikiran dan perlakuan mereka. Konsep sikap telah menjadi popular dan mendapat tumpuan pakar psikologi. Oleh itu, sikap selalu diertikan dengan istilah yang berbeza iaitu kepercayaan, perasaan dan tujuan sesuatu tingkah laku. Sikap diklasifikasikan berdasarkan cara atau seseorang individu itu bertingkah laku dalam kehidupan sehariannya. Sikap merupakan elemen penentu yang penting dan berperanan untuk mencapai kejayaan di dalam sesuatu perkara atau usaha (Siti Hasmiza Hassan & Siti Fatimah Md Azali, 2018). Sikap yang dilihat dalam kajian ini ialah sikap murid terhadap subjek Ekonomi.

#### 1.9.1.2 Minat

Minat merujuk kepada ciri perwatakan yang dipamerkan oleh seseorang individu. Hal ini berikutan, elemen minat ini dapat digambarkan melalui kecenderungan dan kesungguhan yang ditonjolkan seseorang individu dalam apa jua bidang yang diceburinya. Ia merupakan aspek penting dalam menentukan kejayaan murid. Dalam kajian ini, aspek minat merujuk kepada minat murid terhadap subjek Ekonomi (Mohd Faizal Mazalan, 2012)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



### 1.9.1.3 Gaya Pembelajaran

Gaya pembelajaran merujuk kepada langkah yang diambil oleh individu dalam memberi perhatian, memproses dan mengingati maklumat baharu, terutamanya maklumat yang kompleks (Chen et al., 2014). Sehubungan dengan itu, gaya pembelajaran memberikan impak yang besar terhadap penerimaan ilmu pembelajaran di bilik darjah secara khususnya. Oleh itu, gaya pembelajaran turut menjadi aspek penting dalam menentukan kejayaan seseorang murid.

### 1.9.2 Faktor Luaran

Terdapat beberapa faktor Luaran yang mempengaruhi kelemahan murid dalam subjek Ekonomi dipengaruhi oleh beberapa faktor luaran seperti persekitaran yang memberi impak kepada penguasaan subjek Ekonomi Murid kurang didedahkan dengan suasana pembelajaran (Kouraogo, 2010). Kajian sebelum ini telah membuktikan kurangnya pendedahan kepada persekitaran Ekonomi dalam aktiviti pembelajaran harian. Kajian ini menunjukkan persekitaran Ekonomi telah menyumbang kepada peratus kelulusan yang rendah dalam kalangan murid. Faktor persekitaran mendatangkan kesan dalam penguasaan Ekonomi dalam diri murid (Kouraogo, 2010).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



#### 1.9.2.1 Keluarga

Pengaruh faktor keluarga merangkumi tahap pendidikan ibu bapa atau penjaga, kedudukan sosial dan ekonomi, pendapatan ibu bapa dan persekitaran keluarga. Komponen keluarga juga mengambil kira sokongan dan galakan ibu bapa atau penjaga. Dalam kajian ini, galakan merujuk kepada sokongan yang diberikan oleh ahli keluarga kepada murid dalam mempelajari Ekonomi, penyediaan tempat belajar, akses kepada sumber tambahan pembelajaran dan tidak dibebani dengan kerja-kerja rumah (Ramalingam et al., 2019).

#### 1.9.2.2 Guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Guru adalah tunjang kepada keberkesanan proses PdPc di sekolah. Peranan guru adalah sangat penting dalam memastikan murid dapat mencapai objek pembelajaran. Dalam hal ini, guru merupakan golongan yang berperanan dan bertanggungjawab dalam memberikan pendidikan formal dan berstruktur kepada generasi muda (Muhammad Akmal Haziq Aznam & Zurinah Tahir, 2019). Oleh itu, tidak hairanlah terdapat banyak kajian yang telah membincangkan impak faktor-faktor berkaitan guru dalam pembelajaran murid. Sehubungan itu, kajian ini melibatkan guru subjek Ekonomi Tingkatan Empat di tujuh sekolah luar bandar di Perak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



#### 1.9.2.3 Persekitaran Sekolah

Faktor persekitaran sekolah turut memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pencapaian akademik seseorang murid secara keseluruhan. Faktor persekitaran sekolah merujuk kepada peranan pihak pengurusan sekolah dan kemudahan prasarana sekolah sebagai agen penggalak dalam meningkatkan minat murid terhadap proses pembelajaran secara khususnya (Fauziah Md Jaafar et al., 2019). Dalam kajian ini, faktor persekitaran sekolah dilihat ialah peranan pihak pengurusan sekolah dan kemudahan prasarana sekolah yang disediakan bagi menggalakkan minat murid terhadap subjek Ekonomi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.9.3 Pencapaian

Santrock (2006) mendefinisikan pencapaian sebagai pengetahuan atau kemahiran yang diperoleh pelajar yang biasanya dinilai melalui penilaian seperti ujian standard, penilaian prestasi dan portfolio. Kedua-dua aspek saling berkaitan kerana aktiviti pembelajaran adalah proses dan prestasi akademik adalah hasil akhir. Menurut perspektif kognitif sosial pula, kejayaan akademik adalah interaksi kompleks kemahiran individu, persepsi diri, penilaian tugas, teknik kognitif, disiplin diri, sosioekonomi dan tingkah laku individu terhadap institusi (Clemons, 2008). Pencapaian akademik akan terjejas secara negatif oleh penglibatan akademik yang rendah, motivasi yang terhad dan kelakuan pasif memberi kesan buruk kepada pencapaian akademik (Carter et al., 2011).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Analisis prestasi akademik adalah penting untuk membantu guru dalam menentukan persekitaran di mana murid mereka belajar dan berkembang. Menurut Mohd Rashidi Omar (2011) kejayaan akademik dilihat penting untuk mengukur tahap pengetahuan murid. Selain itu, prestasi akademik murid di Malaysia ditentukan oleh penilaian pengajar terhadap satu atau lebih pelajaran dengan memberikan skor, peratusan atau gred (Muhamad Abdillah Royo & Haleefa Mahmood, 2011). Dalam kajian ini, pencapaian akademik merujuk kepada Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) murid dalam subjek ekonomi. Pengkaji memilih PNGK kerana ia dapat memberikan maklumat formatif mengenai prestasi murid.

Pencapaian akademik murid merujuk kepada apa yang mereka capai pada tahap perkembangan yang memberi gambaran kepada usaha mereka dalam menguasai pengetahuan atau kemahiran yang diajar. Pencapaian murid lazimnya dinilaikan berdasarkan gred, skor mentah dan tahap pencapaian dalam satu subjek atau secara keseluruhan (Hafizah Abdul Razak, 2015). Skor yang diperolehi daripada alat penilaian boleh membantu guru menilai kesesuaian gaya pembelajaran dan membantu guru merangka strategi bagi meningkatkan pencapaian akademi. Dengan erti kata lain, pencapaian merupakan kayu ukur kejayaan atau kegagalan murid berasaskan penilaian dan peperiksaan dalam sesuatu ujian. Gred bacaan baik yang diperolehi daripada instrumen penilaian murid dapat menghasilkan kesesuaian gaya pembelajaran serta memperolehi kecemerlangan dalam keputusan pencapaian murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Halimatus Saadiah Kariya (2020) menyatakan yang kecemerlangan akademik merujuk kepada tindakan yang diambil untuk menjamin murid sampai ke tahap pencapaian tertinggi. Dalam aspek ini, kebanyakan murid mempunyai impian untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tertinggi. Walau bagaimanapun, terdapat dakwaan yang pelajar universiti tidak mempunyai daya tahan mental yang kuat. Ini telah mengakibatkan prestasi yang lemah dan menyumbang kepada kadar pengangguran Malaysia yang tinggi. Perkara ini juga telah menjadi perhatian ahli politik, ahli akademik dan orang awam (Norasmah Othman, 2017). Faktor dominan yang mempengaruhi kemajuan akademik murid adalah isu disiplin dan sikap di kalangan murid, keluarga dan persekitaran sekolah (Mohd Erfy Ismail et al., 2019). Selain itu, terdapat faktor-faktor lain yang mempengaruhi pencapaian akademik murid seperti gaya keibubapaan, gaya pembelajaran dan persekitaran belajar (Muhamad Shafiq Mohd Razali & Noraini Abdol Raop, 2018).

Mohamad Rofian Ismail et al. (2020) menerangkan yang kecemerlangan akademik murid dipengaruhi oleh faktor luaran dan dalaman. Faktor dalaman adalah sikap dan usaha murid untuk berjaya dalam bidang akademik, manakala faktor luaran adalah desakan luar yang menggalakkan dan membantu murid untuk berjaya. Walau bagaimanapun, faktor lain juga memainkan peranan dalam kejayaan akademik. Oleh itu, dalam disimpulkan yang kejayaan murid dipengaruhi oleh pengaruh dalaman dan luaran. Ini adalah kerana pencapaian murid dipengaruhi oleh beberapa faktor, termasuk ibu bapa, persekitaran keluarga, guru, kemudahan di sekolah dan sistem pendidikan. Kajian ini akan mengenal pasti faktor dominan yang mempengaruhi prestasi akademik murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Dhakal (2020) meneroka faktor sekolah, faktor murid dan faktor ibu bapa yang mempengaruhi prestasi akademik murid. Namun, Atchia dan Chinapah (2019) telah menganalisis faktor sosioekonomi keluarga, kepemimpinan sekolah, faktor murid dan faktor guru. Kajian lampau juga telah mengkaji impak faktor murid, sekolah dan keluarga ke atas pencapaian akademik murid. Minat, motivasi dan sikap murid telah dikenalpasti sebagai faktor dominan yang mempengaruhi pencapaian akademik Kajian lampau seperti Mahato (2018) menunjukkan impak bahawa aktiviti kurikulum, pengurusan sekolah, proses pembelajaran dan kemudahan di institusi pendidikan menyumbang kepada prestasi akademik murid. Selain itu, terdapat kajian mengenai faktor-faktor yang menyumbang kepada pencapaian akademik murid seperti kaedah pembelajaran, pendekatan pengajaran guru serta sikap murid itu sendiri (Muhamad Shafiq Mohd Razali & Noraini Abdol Raop, 2018). Pada masa kini, pendidik juga semakin proaktif dalam menyelidik faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik murid. Kajian telah memberi tumpuan kepada faktor murid, sekolah dan keluarga dalam mempengaruhi pencapaian akademik murid. Dari aspek faktor murid, pencapaian akademik dipengaruhi secara signifikan oleh sifat murid seperti minat, motivasi dan sikap murid (Aydeniz & Kaya, 2012). Selain itu, terdapat murid yang memasuki kelas dengan persepsi buruk dan mempunyai jangkaan yang negatif murid terhadap subjek dan kurang keyakinan terhadap subjek tersebut dan keupayaan mereka untuk berjaya Kajian-kajian ini menunjukkan persepsi murid bahawa mereka tidak yakin dengan kebolehan mereka dan ini akan mempengaruhi pencapaian mereka dalam akademik mempunyai impak negatif ke atas pencapaian murid. Ini adalah kerana murid mempunyai persepsi negatif terhadap keyakinan dalam menguasai subjek ini (Aydeniz & Kaya, 2012). Kajian Demie et al. (2007) telah menunjukkan yang prestasi lemah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



pelajar Somalia di United Kingdom adalah disebabkan faktor keluarga terutamanya bantuan dan sokongan ibu bapa tidak mencukupi.

Faktor yang mempengaruhi keputusan akademik tersebut juga merangkumi aspek seperti kemahiran, cita-cita, latar belakang sosio-ekonomi, sikap dan pembelajaran sebelumnya. Dari aspek faktor sekolah, didapati bahawa faktor sekolah yang berkaitan dengan pencapaian akademik murid adalah faktor utama yang mempengaruhi keputusan akademik. Sebagai contoh, faktor yang berkaitan dengan konteks sekolah, ciri dan sumber sekolah dan ciri bilik darjah (Mullis et al., 2012). Kualiti pengajaran juga berkait rapat dengan ciri bilik darjah di mana cara penyampaian guru dan strategi pengajaran yang berkualiti akan meningkatkan pemahaman konsep murid dan membantu proses pembelajaran murid akan meningkat melalui pendedahan kepada strategi pengajaran yang ketat yang dilaksanakan di dalam kelas. Dalam perkara ini, faktor guru seperti pengalaman dan sikap guru juga menentukan persekitaran pembelajaran dan memainkan peranan penting dalam pencapaian murid

## 1.10 Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual bagi kajian ini dibina berdasarkan Teori Konstuktivisme oleh Vygotsky (1978). Rajah 1.2 menunjukkan kerangka konseptual yang dibina oleh pengkaji. Menurut Vygotsky, sesuatu ilmu pengetahuan yang baru dibentuk berdasarkan interaksi sosial, alat budaya dan aktiviti yang menggerakkan proses pembelajaran. Teori Konstruktivisme turut menyatakan ilmu pengetahuan baharu terhasil melalui perkembangan elemen biologi dan elemen psikologi dalam diri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


individu. Elemen biologi merujuk kepada pencapaian intelektual yang mana dilihat pada tahap kemampuan seseorang individu mempelajari sesuatu bidang secara amnya manakala elemen psikologi pula melibatkan pengaruh agen-agen luaran seperti komuniti dan budaya dalam meningkatkan perkembangan intelektual. Robert Glazer pula menyatakan yang proses pengajaran boleh dipecahkan kepada empat bahagian iaitu objektif pengajaran, pengetahuan sedia ada murid, kaedah mengajar dan penilaian. Dalam perkara ini, maklum balas murid dapat menentukan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran.

Justeru itu, kajian ini akan mengkaji impak faktor-faktor dalaman yang meliputi iaitu sikap, minat dan gaya pembelajaran dan faktor-faktor luaran (peranan keluarga, guru dan faktor persekitaran sekolah) ke atas pengajaran dan Pemudahcaraan ekonomi dan pencapaian murid dalam peperiksaan.

05-4506832 ptbupsi




*Rajah 1.2.* Kerangka Konseptual Kajian. Sumber: diadaptasi dari Mohd Faizal Mazalan (2012)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Sehubungan dengan itu, berlandaskan konsep Teori Konstruktivisme, kajian ini akan melihat hubungan faktor dalaman iaitu sikap, minat dan gaya pembelajaran dan faktor luaran seperti peranan keluarga, guru dan persekitaran sekolah dan pencapaian akademik. Kajian ini menjangkakan faktor-faktor tersebut mempengaruhi tingkah laku murid dalam proses pembelajaran di bilik darjah dan pencapaian mereka dalam subjek Ekonomi.

### 1.11 Rumusan

Bab ini telah menjelaskan kajian ini melalui perbincangan mengenai latar belakang kajian, permasalahan kajian, tujuan kajian dan kerangka konsep. Definisi operasional bagi istilah utama dalam kajian telah dihuraikan supaya pembaca dapat memahami isi kajian dengan lebih terperinci.

Selain itu, limitasi serta batasan kajian telah dinyatakan dengan jelas di disusuli dengan kepentingan dapatan kajian. Bab ini juga telah menerangkan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian subjek Ekonomi dalam kalangan murid-murid sekolah menengah luar bandar. Seterusnya, dalam bab kedua penyelidik akan memberi sorotan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan fokus kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi